

Muhyiddin Tiba Di Paris Untuk Hadiri Mesyuarat UNESCO
Bernama
26 September , 2011
Oleh Rubiah Mohamed

PARIS, 26 Sept (Bernama -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di sini Isnin untuk menghadiri sesi ke-187 mesyuarat lembaga eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Sintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO), yang bermula Selasa.

Ketibaan Muhyiddin di Lapangan Terbang Antarabangsa Charles De Gaulle dengan diiringi isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman, disambut oleh Duta Besar Malaysia ke Perancis Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Wakil Tetap Malaysia ke UNESCO Ali Abd Ghani.

Muhyiddin, yang akan menjadi peserta pertama berucap pada mesyuarat itu, dijangka menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua negara anggota UNESCO atas sokongan dan kerjasama mereka kepada Malaysia sebagai anggota lembaga eksekutif badan dunia itu.

Tempoh Malaysia menduduki kerusi lembaga eksekutif UNESCO bagi penggal empat tahun akan berakhir Oktober ini.

Wakil baru Asia dalam lembaga eksekutif badan dunia itu, sama ada Indonesia atau Thailand, akan dipilih pada mesyuarat agung UNESCO dari 25 Okt hingga 10 Nov depan.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran, akan menghadiri majlis perpisahan di bangunan UNESCO di sini pada Isnin.

Malaysia menganggotai UNESCO sejak Jun 1958 dan lembaga eksekutif badan dunia ini dianggotai 58 negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615869>